

06 SEP 1999

DR MAHATHIR DIRAIKAN PADA JAMUAN MALAM

KUANTAN, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis jamuan malam di Hotel Hyatt Regency di sini.

Jamuan anjuran Barisan Nasional (BN) Pahang itu diadakan sempena lawatan dua hari Dr Mahathir ke negeri ini.

Ia dihadiri oleh kira-kira 300 orang terdiri daripada anggota jawatankuasa perhubungan parti-parti komponen BN negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Di antara mereka yang turut hadir ialah Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek dan bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba.

Esok, Dr Mahathir akan menghadiri perhimpunan bersama rakyat di Stadium Mini Jengka, Maran.

-- BERNAMA

AFY RHM